

## KECERDASAN PELBAGAI DAN KEBOLEHPASARAN MAHASISWA KURSUS PENGAJIAN ISLAM

Siti Kausar Binti Zakaria  
No 17 Jalan Makmur 6  
Taman Sekiah Makmur  
35900 Tanjung Malim Perak.  
Email: ummufawwaz2013@yahoo.com

Ruslin Bin Amir  
Fakulti Pendidikan  
UKM Bangi  
43200 Selangor  
Email: ruslin@ukm.edu.my

Norzaini Binti Azman  
Fakulti Pendidikan  
UKM Bangi  
43200 Selangor  
Email: norzai12@ukm.edu.my

Mohd Noor Bin Daud  
Jabatan Pengajian Islam  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
UPsi, 35900 Tg. Malim Perak  
Email: mohd.noor@fsk.upsi.edu.my

---

### ABSTRAK

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti kecerdasan pelbagai di kalangan pelajar Kursus Islam di sebuah universiti tempatan. Sampel kajian terdiri daripada 346 orang pelajar yang dipilih secara rawak. Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik yang telah dibina dan diubahsuai daripada instrumen sebelumnya. Soal selidik ini telah diuji dan mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Statistik deskriptif digunakan untuk menentukan min kecerdasan pelbagai responden melalui tiga tahap kecerdasan iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Secara keseluruhan, kajian mendapati pelajar mempunyai kecerdasan yang tinggi dalam rohani diikuti kecerdasan interpersonal, intrapersonal, logik matematik, verbal linguistik dan naturalis. Keadaan ini menunjukkan pelajar cerdas dalam domain berbentuk afektif dan akademik. Manakala kecerdasan visual ruang, kinestetik, naturalis, dan muzik dimiliki pada tahap yang sederhana. Pelajar kurang cerdas dalam kecerdasan visual, kinestetik, muzik menunjukkan kecerdasan yang dimiliki berbentuk lateral bukan vertikal. Kecerdasan seperti kecerdasan visual ruang, kinestetik dan lebih merujuk kepada kecerdasan visual, kinestetik dan muzik dan boleh menyumbang kearah pemikiran kreatif serta inovatif. Pemikiran yang logik tanpa diiringi dengan pemikiran kreatif menyebabkan pelajar Pengajian Islam tidak boleh menjana idea dan sesuatu produk yang kreatif dan inovatif.

Kata kunci: Kecerdasan Pelbagai, Kebolehpasaran, Pelajar Pengajian Islam.

---

### Pengenalan dan Latar Belakang Kajian

Secara formalnya, kecerdasan dalam Sains, Matematik dan pembacaan (*reading*) atau alphabet atau secara umumnya dipanggil kecerdasan akademik atau juga dikenali sebagai kebolehan relatif kognitif diberi keutamaan dan penghargaan. Keadaan ini seolah-olah memberi tanggapan sesiapa yang bijak dalam bidang akademik, merekalah yang terjamin dan cemerlang masa depannya. Walaupun kecerdasan dinilai melalui ujian IQ (Intelligence quotient) telah digunakan secara meluas dalam bidang pendidikan, namun sebenarnya tiada kajian yang boleh membuktikan kecerdasan yang dikira melalui pengiraan itu menjadi sandaran kepada kecemerlangan seseorang pelajar di sekolah sehinggalah kecerdasan didefinisikan dengan sebenarnya-benarnya seperti digambarkan dalam tulisan berikut;

*“Beyond statistical correlations, there is no conclusive proof that IQ tests do more than detect who might encounter difficulty with school learning. In our society, school is a pathway to success later in life. Though Spearman and others claim that intelligence is related to success in school, this claim cannot be investigated until intelligence has been properly defined”*(p.2)  
(Council for Responsible Genetic 2014).

Ujian IQ mula-mula diperkenalkan oleh Alfred Binet (1905) kurang daripada 100 tahun lepas bertujuan untuk mengukur kebolehan akademik kanak-kanak di sekolah. Spearman (1904) seorang lagi pelopor yang mengatakan kecerdasan boleh diukur dengan ujian mental. Pandaanga ini mencetuskan revolusi baru tentang kecerdasan manusia serta menjadi topik perbincangan hangat oleh ahli psikologi sosial seperti Howard Gardner (1983) (kecerdasan pelbagai) Daniel Goleman (1996) (kecerdasan emosi), Robert Sternberg (1960), (model minda Triarchic) dan Graham Wallis (1926) (kreativiti) kerana meletakkan kecerdasan dalam bentuk nombor dan pengiraan. Aliran-aliran ini timbul bagi mempertahankan kecerdasan manusia dalam skop yang lebih luas. Aliran psikologi sosial ini melihat kecerdasan sebagai kebolehan sosial individu menyesuaikan diri dalam lingkungan masyarakatnya seperti boleh menghasilkan sesuatu yang bernilai, berguna, diterima serta dihargai dalam konteks budaya dan masyarakat sekeliling mereka.

Dalam konteks sejarah, ujian kecerdasan yang diperkenalkan oleh Alfred Binet pada tahun 1905 juga diperkenalkan dalam usaha membantu kerajaan di Negara-negara Eropah pada waktu itu dalam mengurangkan 'gene pool' iaitu individu yang mempunyai potensi yang tidak normal (*subnormal potential*). Ujian kecerdasan yang diperkenalkan juga mempunyai perkaitan dengan usaha kerajaan Eropah dalam memberi suntikan yang baru terhadap genetik bangsa (*eugenic movement*) (Council for Responsible Genetics 2014). Namun dalam situasi yang semakin berubah teori kecerdasan pelbagai Howard Gardner semakin diterima dan mendapat tempat. Buktinya individu yang mempunyai bakat dalam bidang kesenian, muzik, dan sukan dianggap memiliki bakat 'extraordinary'. Individu ini walaupun tidak mempunyai latar belakang akademik yang kuat namun disanjung dan diberi penghargaan yang tinggi oleh masyarakat. Ini memberi gambaran teori kecerdasan pelbagai adalah relevan dan praktikal serta menguatkan lagi kepercayaan bahawa kecerdasan merupakan satu entiti yang berbeza antara kecerdasan dengan yang lain, berbilang dan tidak bergantung antara satu sama lain.

Menurut Kamus Dewan (2000), kecerdasan bermaksud kesempurnaan akal untuk berfikir, mengerti dan lain-lain seperti kepandaian, kepintaran dan kecerdikan. Istilah kecerdasan pelbagai diperkenalkan oleh Howard Gardner (1983, 1996) yang mendefinisikan kebijaksanaan sebagai potensi psikobiologikal untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau menghasilkan sesuatu produk yang bermakna atau berharga dalam konteks budaya dan sosialnya. Menurutnya, terdapat lapan kecerdasan pelbagai yang dimiliki oleh semua manusia iaitu kecerdasan logik-matematik, bahasa-linguistik, interpersonal, intrapersonal, muzik, visual-ruang, kinestetik-badan dan naturalis.

Gardner (1983) mendefinisikan kecerdasan verbal-linguistik sebagai kebolehan untuk memahami dan menyatakan bahasa dan perkataan yang sukar dan kompleks. Kesemua kecerdasan ini wujud pada setiap individu tetapi berbeza-beza daripada segi kekuatannya antara individu dengan individu lain bergantung kepada pengalaman, latihan dan pendidikan yang dilalui. Kecerdasan logik-matematik ialah kebolehan untuk mengaitkan sesuatu perkara berdasarkan sebab musababnya. Kecerdasan visual-ruang bermaksud kemampuan untuk menterjemahkan sesuatu perkara dalam bentuk visual secara tepat serta berimajinasi dalam tiga dimensi. Kecerdasan kinestetik badan sebagai kecerdasan seseorang untuk mengkoordinasikan pergerakan tubuh badan dan mengawal sesuatu objek dengan penuh kemahiran.

Gardner (1983) mendefinisikan kecerdasan muzik ialah kebolehan untuk menghasilkan dan memahami irama, lagu, rentak dan tempo dengan mudah. kecerdasan interpersonal sebagai kemahiran yang membolehkan seseorang untuk memahami orang lain dan menggunakan kemahiran tersebut untuk berinteraksi, mempengaruhi, dan menyampaikan maksudnya. Bertentangan dengan kecerdasan intrapersonal yang membolehkan seseorang individu memahami dirinya, matlamat dan tujuan dirinya dan menggunakan pengetahuan tersebut bagi mencapai matlamat dirinya.

Pada tahun 1991, Gardner memperkenalkan kecerdasan lain iaitu naturalis atau kecerdasan alam sekitar dan kecerdasan *existential*. Kecerdasan naturalis pula ialah kebolehan untuk memahami alam semulajadi, flora dan fauna dan menterjemahkan kefahaman tersebut dalam bentuk sesuatu yang boleh memberi manfaat dan kebaikan kepada alam sejagat. Pada tahun 1996 selepas itu, satu lagi kecerdasan diperkenalkan iaitu kecerdasan *existential* iaitu kecerdasan yang berkaitan dengan agama dan membolehkan seseorang itu memahami unsur-unsur metafizikal.

Menurut Gardner (1983, 1996) kecerdasan pelbagai yang lain seharusnya diberi taraf yang sama dengan kecerdasan IQ. menegaskan terdapat tujuh kecerdasan lain selain daripada kecerdasan logik matematik dan verbal linguistik yang perlu dihargai dan disanjung iaitu interpersonal, intrapersonal, visual ruang, kinestetik, muzik, naturalis, dan rohani. Setiap individu memiliki kesemua entiti kecerdasan pelbagai, namun berbeza dari segi kekuatannya dalam individu dan antara individu dengan individu yang lainnya. Walaubagaimanapun menurut Gardner (1983, 1996) lagi kecerdasan pelbagai tidak dapat disuburkan melalui persekitaran yang kondusif.

Oleh yang demikian, kajian menjadikan kecerdasan pelbagai sebagai sandaran penting dalam usaha meningkatkan kualiti pelajar FPI UKM khususnya yang dinonimkan sebagai individu-individu yang perlu berkhidmat dan menyumbang kepada masyarakat dan negara selepas bergraduat nanti. Ini seiring dengan falsafah teori kecerdasan pelbaga isendiri yang menegaskan individu yang cemerlang ialah individu yang boleh menghasilkan sesuatu yang berharga dan bernilai kepada masyarakatnya tidak terhad kepada markah atau gred yang dicapai melalui peperiksaan semata-mata (Green dan Hill 2005).

Bagi pelajar, kesedaran tentang kecerdasan pelbagai diri serta kemampuan untuk merealisasikannya dalam bentuk yang berharga dan disanjung adalah salah satu keperluan tertinggi (self esteem). Individu pelajar yang mempunyai kepercayaan terhadap potensi diri boleh menghasilkan sesuatu yang dihargai dan disanjung oleh orang-orang disekeliling mereka. Kecerdasan atau dengan kata lain sebagai kebijaksanaan merupakan kelebihan kognitif seseorang dalam menangani kehidupan seharian dan menyesuaikan diri dalam kehidupan seharian.

Dalam skop kajian ini istilah 'pelajar' merujuk kepada mahasiswa atau penuntut di institut pengajian tinggi. Pelajar Pengajian Islam pada peringkat sarjana muda samaada di UKM mahupun di IPT lain pada umumnya mempunyai latar belakang yang hampir serumpun, iaitu antaranya berasal daripada sekolah Arab atau agama di Malaysia, mempunyai pengetahuan asas Bahasa Arab dan Agama Islam seperti pelajaran al-Quran dan Hadis lebih baik daripada pelajar-pelajar aliran lain (Mohd kamil dan Wan Adli 2007).

### Permasalahan Kajian

Aspek psikologi dalaman pelajar dari segi kecerdasan pelbagai yang menjadi fokus kajian ini merupakan satu usaha dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan seiring dengan kredibiliti mereka sebagai graduan universiti yang dihormati masyarakat serta memiliki keunggulan akhlak serta keperibadian yang terjaga. Dalam banyak kajian tentang kebolehpasaran graduan, kemahiran insaniah merupakan aspek sering ditekankan. Namun jarang bagi aspek psikologi dalaman ini ditekankan sebagai satu alternatif kearah membina personaliti graduan yang bermaklumat, berpotensi tinggi, berbakat, dan berketerampilan. Banyak kajian yang dijalankan tentang kecerdasan pelbagai adalah berkaitan dengan pencapaian akademik. Namun sedikit kajian kecerdasan pelbagai dan kaitannya dengan kerjaya khususnya didalam negara (Chua et al. 2014). Jesteru kajian melihat aspek kecerdasan pelbagai merupakan satu nilai tambah kepada pelajar khususnya diperingkat pengajian tinggi. Malah dalam pendidikan diperingkat pengajian tinggi kini teori kecerdasan pelbagai telah dibangunkan sebagai satu sistem pemilihan kursus di universiti dan asas kepada kerjaya yang sesuai dengan personaliti (Abdul Latif et al. 2006).

Kecerdasan IQ yang dikaitkan dengan kecerdasan logik matematik dan kecerdasan verbal linguistik sering mendapat tempat dalam dunia pendidikan khususnya deperingkat pengajian tinggi. Pemberatan terhadap kedua-dua kecerdasan ini menyebabkan berlakunya pengabaian terhadap kecerdasan-kecerdasan lain. Pelajar yang tidak cerdas dalam matematik dan Sains sering kali dianggap tidak mempunyai kemampuan intelektual tinggi. Keadaan ini meyumbang kepada perasaan rendah diri dan tidak berguna kepada orang lain (La Sarah 2006). Penumpuan terhadap kecerdasan IQ dalam bidang pendidikan tanpa melihat kecerdasan lain merupakan faktor kepada penurunan tahap *self esteem* atau sendiri dalam kalangan pelajar. Ini menyebabkan mereka tidak bermotivasi dan bersemangat untuk membuktikan kebolehan dan mengengahkan potensi dalam bidang lain.

Pemberatan terhadap kecerdasan IQ semata-mata juga sudah tidak relevan dalam dunia pendidikan tinggi kini. Pemberatan terhadap IQ tidak dapat dinafikan menjadi penyumbang utama kepada pencapaian akademik yang tinggi. Walaubagaimanapun, pencapaian akademik yang baik bukanlah aspek utama yang dinilai oleh para majikan tetapi nilai tambah yang ada pada mereka. Tinjauan pengangguran oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (2005) yang dijalankan pada tahun 2005 mendapati aspek pencapaian akademik menduduki tempat yang ke lapan daripada dua lepas kriteria yang disenaraikan oleh 115 majikan. Jesteru kajian melihat aspek kecerdasan pelbagai dijadikan sandaran dalam usaha meningkatkan kemahiran kerjaya. Perkaitan ini dibuktikan melalui kajian-kajian lepas seperti kajian Choong Kim (2007) Motah (2007) Camorro-Premuzic et al. (2010).

Isu lain yang dikenalpasti ialah kecerdasan pelbagai yang ditekankan dalam pengajaran dan pembelajaran Pengajian Islam pula adalah bertumpu kepada kecerdasan kerohanian. Menurut Amini Amir (2012), penekanan terhadap kecerdasan dan potensi kerohanian melebihi potensi-potensi yang lain di kebanyakan IPT Malaysia termasuklah pelajar di fakulti ini. Menurut Imam al-Ghazali setiap individu memiliki kecerdasan yang berbeza-beza dan harus dilayan seadilnya (Zawawi 1990). Pengabaian kecerdasan lain merupakan satu bentuk ketidakadilan terhadap anugerah tuhan yang dikurniakan. (Rizal Arifin & Hairul Nizam Arifin (2007). Setiap kecerdasan yang ada pada diri individu seharusnya diberi peluang untuk dikembangkan. Pengabaian terhadap potensi yang pelbagai juga merupakan satu kerugian kepada bangsa dan agama. Keadaan ini juga akan menyebabkan berlakunya pengabaian potensi atau kecerdasan lain misalnya potensi yang lebih berbentuk kreativiti dan inovasi.

Pengabaian potensi-potensi lain dan hanya menumpukan kepada potensi atau kecerdasan kerohanian semata-mata akan menyebabkan graduan dalam bidang Pengajian Islam dilaporkan kurang berkecimpung dalam sektor-sektor profesional dan hanya mengetuai acara-acara keagamaan sahaja. Mereka juga dilihat hanya sesuai menceburi bidang kerjaya dalam sektor pendidikan semata-mata merupakan isu yang tidak boleh diketepikan. (Nurul Syahidah 2014). Keadaan ini benar dengan senario berlaku dalam kalangan pelajar di fakulti ini apabila didapati sektor pendidikan merupakan sektor ekonomi yang paling tinggi diceburi oleh graduan Pengajian Islam daripada dua puluh sektor ekonomi yang disenaraikan seperti yang ditunjukkan oleh Laporan Kajian Pengesanan Graduan (LKPG) bagi tahun 2012 di fakulti berkenaan (Alumni 2012).

Menurut LKPG itu lagi seramai 350 graduan daripada 738 graduan lebih berminat untuk menceburi bidang pendidikan mengatasi bidang-bidang kerjaya lain. Profesion pendidikan yang paling tinggi dipilih ialah profesion keguruan Islam (guru agama) iaitu seramai 36.2 peratus graduan menjawat jawatan guru agama daripada 36 jenis profesion yang disenaraikan. Sedangkan terdapat profesion lain yang juga sesuai dengan bidang Pengajian Islam seperti kerjaya dalam Pengurusan Sosial dan Keagamaan yang hanya dijawab 1.8 peratus, Undang-undang Sosial dan Keagamaan hanya 0.4 peratus dan Pengurusan Profesional yang juga menunjukkan 0.4 peratus dipilih graduan.

Kajian oleh Ahmad Munawwar dan Zakaria Stapa (2011) menyokong kajian yang dijalankan oleh Almuni apabila mendapati majoriti pelajar tahun akhir lebih meminati bidang pendidikan atau perguruan iaitu sebanyak 82 peratus, pegawai agama, 9 peratus dan usahawan 5 peratus. Hal ini sangat membimbangkan kerana sedikit sebanyak boleh menyumbang kepada kesempitan bidang kerjaya yang boleh diceburi graduan. Bagi graduan dalam kursus Pengajian Islam, kecerdasan pelbagai lain selain daripada kecerdasan matematik dan verbal linguistik boleh dijadikan sebagai asas kepada pemilihan kerjaya yang lebih luas tidak terhad kepada bidang pendidikan dan perguruan semata-mata.

### Persoalan Kajian

- 1) Apakah kecerdasan pelbagai pelajar kursus Pengajian Islam?

### **Kajian-kajian Lepas tentang Kecerdasan Pelbagai**

Kajian tentang kecerdasan pelbagai pelajar sudah banyak dijalankan. Contoh kajian ini ialah seperti kajian dalam kalangan pelajar sekolah oleh Ibrahim (2007) dan kajian dalam kalangan pelajar pengajian tinggi oleh Siti Rahayah dan Mohd Kasyfi (2009); Ibrahim dan Farah (2010) dan Mohd Kasyfi et al. (2013). Kajian luar negara ialah seperti kajian Suad Ahmad et al. (2014), kajian Ellen (2012), kajian Oraib (2011), kajian Parker (2007) dan kajian Neto dan Furnham (2006).

Ibrahim (2007) menjalankan kajian ke atas 949 pelajar tingkatan empat daripada sepuluh buah sekolah menengah di dua daerah negeri Selangor bertujuan untuk membina dan mengukur kesahan dan kebolehppercayaan instrumen kecerdasan pelbagai MyMICA. Kajian mendapati pelajar mendominasi domain kerohanian (53.2%), diikuti dengan domain interpersonal (49.8%), domain naturalis (48.1%), muzik (47.2%), visual ruang (39.9%), intrapersonal (38.6%), verbal linguistik (34.2%), logik-matematik (30.3%) dan yang terendah ialah domain kinestetik (29.2%).

Kajian Siti Rahayah dan Mohd Kasyfi (2009) dijalankan dalam kalangan guru pelatih di sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG) Malaysia. Kajian mendapati kedua-dua guru pelatih lelaki mahupun perempuan memiliki profil kecerdasan rohani yang tinggi diikuti kecerdasan intrapersonal, interpersonal, verbal linguistik dan logik matematik. Sampel terdiri daripada 138 guru pelatih dan instrumen yang digunakan ialah soal selidik Ujian Kecerdasan Pelbagai Remaja Malaysia (UKPRM) (Siti Rahayah 2006, 2007, 2008).

Selain daripada itu kajian Ibrahim dan Farah (2010) juga dijalankan di Institut Perguruan Pendidikan Islam (IPG) Bangi bertujuan untuk melihat pola kecerdasan pelbagai guru pelatih PPPRP4T (Pengajian Sains Sosial dan Bahasa Arab) dan guru pelatih PPISMP (Pengajian Agama Islam). Instrumen yang digunakan ialah instrumen Multiple Intelligence Checklist for Adult (MICA). Seramai 85 orang guru pelatih PPPRP4T dan 32 guru pelatih PPISM terlibat di dalam kajian. Kajian mendapati domain kecerdasan pelbagai yang dominan bagi guru pelatih PPPRP4T ialah domain interpersonal dan intrapersonal manakala bagi guru pelatih PPISMP ialah domain interpersonal. Domain yang paling lemah dikenalpasti bagi kesemua guru pelatih ini ialah kecerdasan muzik.

Kajian terkini di IPT dijalankan oleh Mohd Kasyfi et al. (2013) bertujuan untuk mengenalpasti kecerdasan pelbagai dan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar UKM, Kampus Bangi. Seramai 1154 pelajar terlibat sebagai sampel kajian. Instrumen yang digunakan ialah instrumen yang dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik yang dikenali sebagai Electronic System of Multiple Intelligence and Learning Styles (e-Miles). Dapatan kajian menunjukkan pelajar daripada kesemua gugusan iaitu gugusan Sains Sosial (Fakulti Pendidikan, Fakulti Pengajian Islam, Fakulti Undang-undang, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, dan Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, gugusan Sains Kesihatan dan gugusan Sains mencatatkan domain kerohanian paling tinggi. Ini diikuti dengan domain interpersonal dan intrapersonal. Kesemua gugusan juga menunjukkan kecerdasan logik matematik yang tinggi. Kecerdasan visual ruang merupakan kecerdasan yang paling rendah khususnya bagi gugusan Sains Kesihatan.

Kajian luar negara ialah seperti kajian Oraib (2011) dan kajian Parker (2007). Oraib (2011) mendapati kecerdasan interpersonal merupakan kecerdasan yang paling tinggi dimiliki pelajar di universiti- universiti di Jordan iaitu Universiti Petra, Universiti Al-Zarqa, Universiti Arab Amman, Universiti Sains dan Teknologi, Universiti Al-Hashemaya, Universiti Yarmouk, Universiti Jordan, Universiti Al-Isra, Universiti Al-Zaitunah dan Universiti Philadelphia. Kajian juga mendapati kecerdasan muzik merupakan kecerdasan yang terendah dimiliki pelajar. Tujuan kajian adalah untuk mengenalpasti perbezaan kecerdasan pelbagai antara pelajar di universiti awam dan universiti swasta Jordan, jantina, pencapaian akademik, tahun pengajian dan pengkhususan. Kaedah tinjauan dan instrumen soal selidik merangkumi tujuh aspek kecerdasan pelbagai kecuali kecerdasan rohani dan naturalis telah digunakan. Seramai 1436 orang sampel terlibat dalam kajian. Penyelidik menjangkakan kecerdasan rohani mungkin dimiliki paling tinggi oleh pelajar sekiranya konstruk kecerdasan rohani juga diukur dalam kajian ini.

Namun terdapat juga kajian terkini di luar negara oleh kajian Suad Ahmad et al. (2014) mendapati domain verbal linguistik merupakan domain yang paling tinggi dimiliki dan domain visual ruang merupakan domain terendah dimiliki pelajar. Kajian dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti kecerdasan pelbagai dalam kalangan pelajar pra siswazah di Universiti Yarmouk, Jordan. Sampel kajian terdiri daripada 759 pelajar dan instrumen yang digunakan ialah instrumen Ujian Kecerdasan Pelbagai atau *Multiple Intelligence Test* (MIT). Kajian ini tidak melibatkan domain kerohanian sebagai domain yang ingin diukur. Kajian menjangkakan kecerdasan rohani mungkin didominasi oleh pelajar ini jika kajian Suad Ahmad et.al (2014) ini mengambil kira domain kerohanian untuk diukur.

Kajian Ellen (2012) selari dengan kajian Suad Ahmad et.al (2014) apabila mendapati kecerdasan verbal linguistik merupakan kecerdasan pelbagai yang paling tinggi dimiliki pelajar. Namun kajian dijalankan dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Kajian dijalankan bertujuan untuk mengetahui kecerdasan pelbagai pelajar dan hubungannya dengan umur, jantina, tahun pengajian dan jenis sekolah (sekolah awam dan swasta) di Ghana. Seramai 400 orang sampel berumur antara 6 – 22 terlibat dalam kajian. Soal selidik kecerdasan pelbagai Teele Inventory for Multiple Intelligence (TIMI) yang dibangunkan pada tahun 1992.

Kajian yang menunjukkan kedua-dua kecerdasan interpersonal dan kecerdasan verbal linguistik tinggi dimiliki pelajar ialah kajian Parker (2007). Kajian dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti kecerdasan pelbagai pelajar tahun satu dalam lapan domain kecuali kecerdasan rohani merentas demografi sosial pelajar iaitu etnik, jantina dan jenis kolej (kolej awam, kolej komuniti dan kolej swasta) di Baltimore Metropolitan, Columbia. Seramai 475 sampel terlibat dalam kajian. Instrumen MII (Multiple Intelligence Inventory) telah digunakan.

Kajian terdahulu oleh Neto dan Furnham (2006) juga menunjukkan kesamaan apabila didapati kecerdasan interpersonal dan intrapersonal merupakan kecerdasan yang paling tinggi dimiliki. Kecerdasan yang paling rendah dimiliki ialah kecerdasan muzik, kinestetik dan visual ruang. Tujuan kajian adalah untuk melihat perbezaan kecerdasan pelbagai merentas jantina. Kajian dijalankan dalam kalangan pelajar Universiti Porto, Portugal. Sampel terdiri daripada 190 orang pelajar dan instrumen soal selidik telah digunakan.

Secara rumsuannya melalui kajian-kajian lepas, kajian merumuskan kecerdasan rohani merupakan kecerdasan yang paling tinggi dimiliki pelajar dalam kebanyakan kajian yang melibatkan pelajar Muslim samaada di dalam mahupun di luar negara. Ini diikuti dengan kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal dan kecerdasan verbal linguistik. Kecerdasan-kecerdasan ini sememangnya diperlukan dalam proses pembelajaran khususnya dalam bidang akademik dan di peringkat pengajian tinggi. Proses pembelajaran yang memerlukan interaksi yang baik antara sesama pelajar, pensyarah/guru dan pentadbir universiti/sekolah telah memberi pengaruh yang positif terhadap kecerdasan interpersonal. Begitu juga dengan kecerdasan intrapersonal, proses adaptasi dan asimilasi dengan persekitaran universiti/sekolah telah memberi pengaruh yang positif terhadap kematangan dan emosi diri serta sering merasa lebih bersemangat dan bermotivasi. Kecerdasan verbal linguistik pula merupakan kecerdasan yang sangat diperlukan dalam proses memahami dan mempelajari hampir kesemua cabang ilmu pengetahuan.

Kajian-kajian lepas juga memberi gambaran kecerdasan visual ruang dan muzik merupakan antara kecerdasan yang rendah didominasi samaada pelajar dalam negara atau luar negara. Keadaan ini menunjukkan proses pembelajaran diperingkat Pengajian tinggi mahupun di peringkat rendah lebih mementingkan kecerdasan-kecerdasan yang boleh meningkatkan prestasi akademik seperti kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal, visual ruang dan kecerdasan logik matematik. Tambahan pula kecerdasan muzik dan kecerdasan visual merupakan kecerdasan yang asing dengan bidang pembelajaran yang dipelajari khususnya dalam proses pembelajaran formal yang menitikberatkan prestasi akademik.

Keadaan ini disokong dengan dengan kajian Stark (2004) apabila mendapati pelajar prasiswazah berstatus penyanyi memiliki min kecerdasan muzik yang lebih tinggi berbanding min pelajar bukan berstatus penyanyi yang mengambil jurusan Muzik di tiga buah Kolej Midwest, United States. Tujuan kajian adalah untuk mencari perbezaan profil kecerdasan pelbagai pelajar antara pelajar jurusan Muzik yang berstatus penyanyi dan bukan penyanyi dan perbezaannya dengan faktor jantina, umur dan etnik. Seramai 233 orang sampel terlibat dalam kajian. Instrumen soal selidik MIDAS oleh Shearer (1987) telah digunakan.

Kajian-kajian lepas samaada di dalam dan luar negara menunjukkan kecerdasan visual ruang, muzik dan kinestetik merupakan antara kecerdasan yang rendah didominasi samaada pelajar dalam negara atau luar negara. Kecerdasan rohani, interpersonal, intrapersonal, verbal linguistik dan logik matematik merupakan kecerdasan pelbagai yang juga kuat dimiliki pelajar IPT samaada di dalam dan luar negara. Keadaan ini menunjukkan penekanan yang lebih terhadap kecerdasan berbentuk akademik masih berakar umbi dalam sistem pendidikan tinggi samaada di dalam dan luar negara. Penekanan yang lebih terhadap satu-satu kecerdasan menyebabkan pelajar yang memiliki kecerdasan tertentu disisihkan dan tidak dihargai. Menurut Gardner (1983, 1992) faktor genetik dan penurunan bukanlah faktor yang sah dalam menentukan kecerdasan seseorang individu tetapi faktor persekitaran adalah lebih kuat mempengaruhi. Malah, kecerdasan yang tidak tinggi dimiliki boleh diasah dan dipertajamkan melalui persekitaran yang kondusif.

Kecerdasan kerohanian yang tinggi dimiliki pula membuktikan kecerdasan 'existential' ini merupakan kecerdasan yang sah yang dihargai dan disanjung dalam masyarakat beragama Islam umumnya. Pandangan Gardner (1983) yang mengatakan kecerdasan kerohanian sebagai kecerdasan yang belum diiktiraf kewujudannya merupakan satu pandangan berbentuk 'culture' dan tidak mengikut nilai dan pandangan masyarakat dan budaya Islam setempat. Dalam konteks pelajar Pengajian Islam, kecerdasan kerohanian sebagai satu keperluan. Namun demikian, dalam situasi negara yang sering mengalami kemerosotan ekonomi, pelajar Pengajian Islam seharusnya mempelbagaikan potensi diri dengan menonjolkan kecerdasan pelbagai diri agar boleh menempatkan diri dalam bidang kerjaya selain daripada bidang perguruan agama dan dakwah.

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif secara deskriptif. Kaedah deskriptif digunakan bertujuan untuk memperihalkan min atau taburan kecerdasan pelbagai pelajar sama ada tinggi atau sederhana atau rendah. Jadi persoalan kajian berbentuk 'apakah' digunakan. Sampel terdiri daripada 346 orang daripada 955 orang populasi pelajar kursus Pengajian Islam di sebuah universiti awam tempatan. Sampel kajian dipilih secara rawak dan instrumen yang digunakan ialah soal selidik kecerdasan pelbagai berskala Likert lima mata.

Nilai yang diberi ialah (5) sangat setuju, (4) setuju, (3) kurang setuju, (2) tidak setuju dan (1) sangat tidak setuju. Soal selidik kecerdasan pelbagai ini diadaptasi daripada Rusminah (2008), Hafsa (2008), Ibrahim (2007) dan sebahagiannya di bina sendiri oleh penyelidik. Kajian rintis yang dijalankan keatas 30 orang responden mendapati nilai kebolehpercayaan alfa Cronbach yang boleh diterima (antara .841 sehingga .967). Data dianalisis dengan analisis statistik deskriptif bagi mengetahui min bagi setiap konstruk kecerdasan pelbagai.

Bagi menentukan min skor bagi ketiga-tiga instrumen soal selidik, penyelidik menggunakan tafsiran min yang diubah suai daripada Jamil (2002) iaitu nilai min 1.00 – 2.33 adalah skor rendah, 2.34 – 3.67 sederhana dan 3.68 – 5.0 adalah tinggi. Ini menunjukkan nilai yang diberikan membawa erti satu-satu konstruk kecerdasan pelbagai itu tinggi di miliki, sederhana dimiliki dan rendah dimiliki pelajar. Data-data kuantitatif yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 17.0 dengan menggunakan dua bentuk analisis statistik deskriptif. Analisis deskriptif digunakan untuk menyusun dan mempersembahkan data dalam bentuk min bagi menjawab persoalan kajian.

## Dapatan Kajian

Kajian dijalankan dengan melibatkan seramai 346 orang pelajar. Demografi kajian yang dilibatkan dalam kajian ini seperti jantina, jenis pengkhususan dan tahun pengajian. Profil demografi kajian secara lebih terperinci dihuraikan seperti Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Profil demografi kajian

Jenis pengkhususan	Jantina		Tahun Pengajian		
	Lelaki	Perempuan	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
Syariah	24	53	18	38	21
Usuluddin dan Falsafah	22	31	19	20	14
Bahasa Arab dan Tamadun Islam	15	80	18	42	35
Dakwah dan kepimpinan	23	38	21	24	16
Al-Quran dan al-Sunnah	16	44	9	33	18
Jumlah	100	246	85	157	104

Jadual 1 menunjukkan bahawa kajian ini melibatkan pelajar daripada lima pengkhususan iaitu Syariah, Usuluddin dan Falsafah, Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Dakwah dan kepimpinan dan al-Quran dan al-Sunnah. Berdasarkan jantina menunjukkan seramai 100 orang pelajar lelaki dan seramai 246 orang pelajar perempuan. Berdasarkan tahun pengajian pula menunjukkan bahawa pelajar tahun 1 seramai 85 orang, pelajar tahun 2 seramai 157 orang dan pelajar tahun 3 seramai 104 orang.

**Persoalan kajian pertama:** Apakah kecerdasan pelbagai pelajar kursus Pengajian Islam?

Dapatan kajian ditunjukkan berdasarkan min kecerdasan pelbagai pelajar yang dikira dari jawapan pelajar kepada item-item dalam kecerdasan pelbagai. Perbandingan min kecerdasan pelbagai pelajar dan min kecerdasan pelbagai yang ditetapkan ditunjukkan seperti Jadual 3 berikut.

Jadual 3 Perbandingan min kecerdasan pelbagai pelajar dan skor min berdasarkan Jamil (2002)

Kecerdasan Pelbagai	Min Kecerdasan Pelbagai	Piawai Min Skor	Keputusan
Logik Matematik	3.83	3.68 – 5.00	Skor tinggi
Verbal Linguistik	3.70	3.68 – 5.00	Skor Tinggi
Interpersonal	4.00	3.68 – 5.00	Skor Tinggi
Intrapersonal	3.99	3.68 – 5.00	Skor Tinggi
Visual Ruang	3.59	2.34 – 3.67	Skor sederhana
Kinestetik Badan	3.52	2.34 – 3.67	Skor sederhana
Muzik	3.12	2.34 – 3.67	Skor sederhana
Naturalis	3.48	2.34 – 3.67	Skor sederhana
Rohani	4.78	3.68 – 5.00	Skor Tinggi

Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan terdapat lima kecerdasan yang mempunyai min yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan piawai min skor berdasarkan Jamil (2002) iaitu kecerdasan logik matematik, verbal linguistik, interpersonal dan rohani. Sementara terdapat empat lagi kecerdasan yang sederhana tinggi iaitu kecerdasan visual ruang, kinestetik badan, muzik dan naturalis.

## Perbincangan dan Implikasi

Kajian mendapati pelajar kursus Pengajian Islam sangat cerdas dalam rohani berbanding dengan kecerdasan pelbagai yang lain. Jelaslah, kecerdasan rohani merupakan kecerdasan yang paing tinggi dimiliki pelajar kerana mereka mempelajari bidang kursus yang menekankan elemen-elemen kerohanian seperti ketuhanan, keimanan dan kepatuhan kepada undang-undang agama. Ini menunjukkan kesan pengaruh luaran dari segi kandungan bidang pembelajaran Pengajian Islam boleh menajamkan kecerdasan pelbagai yang ada pada diri.

Dapatan yang selari dengan dapatan ini ialah seperti kajian oleh Siti Rahayah et. al (2008) yang mengkaji kecerdasan pelbagai dalam kalangan pelajar remaja berusia antara 16-18 di negara ini mendapati kecerdasan rohani merupakan kecerdasan yang paling dominan dan kajian Ibrahim (2007) pelajar tingkatan empat daripada sepuluh buah sekolah menengah di Selangor mendominasi kecerdasan rohani. Begitu juga dengan kajian di IPT seperti kajian Siti Rahayah dan Mohd Kasyfi (2009) dalam kalangan pelatih guru di IPG Malaysia dan kajian Mohd Kasyfi et al. (2013) dalam kalangan pelajar Sains Sosial dan Sains Kesihatan UKM. Oleh yang demikian dapatan ini membuktikan tanggapan awal kajian iaitu potensi kerohanian merupakan potensi yang diberi perhatian adalah benar.

Pelajar kursus Pengajian Islam juga sangat cerdas dalam interpersonal diikuti intrapersonal selain cerdas rohani. Ini menunjukkan aspek hubungan dua hala dan proses komunikasi melalui asimilasi dan persekitaran universiti yang kondusif serta aktiviti pembangunan kemahiran insaniah oleh universiti dalam bentuk penglibatan dalam persatuan, kursus sokongan yang ditawarkan serta persekitaran pembelajaran telah menonjolkan kecerdasan interpersonal pelajar. Dapatan ini menunjukkan keselarian dengan dapatan awal kajian seperti kajian (Ibrahim dan Farah 2010) guru pelatih PPPR4T (Pengajian Sains Sosial dan Bahasa Arab) dan PPISMP (Pengajian Islam), Ibrahim (2007), kajian Siti Rahayah dan Mohd Kasyfi (2009), kajian Mohd Kasyfi et al. (2013) dan laporan kajian Pengesanan Graduan di fakulti berkenaan bagi tahun 2011 dan 2012 menunjukkan aspek interpersonal merupakan kemahiran yang diperolehi pada tahap yang cemerlang oleh graduan sepanjang berada di universiti (Alumni 2012 & Alumni 2011).

Begitu juga dengan kajian luar negara oleh Gholam (2011) dalam kalangan pelajar tahun tiga Universiti Bahrain, kajian Oraib et al. (2011) yang mendapati mahasiswa di universiti-universiti Jordan sangat cerdas dalam interpersonal dan intrapersonal. Kajian Ellen (2012) pula mendapati pelajar yang berumur antara sebelas hingga dua puluh satu tahun di beberapa buah sekolah tinggi awam dan swasta di wilayah Accra, Ghana sangat cerdas dalam interpersonal, dan Parker (2007) yang menjalankan kajian dalam kalangan pelajar kolej awam dan swasta di bandar Metropolitan Baltimore United States juga mendapati pelajar sangat cerdas dalam interpersonal.

Ini dapat dirumuskan kecerdasan interpersonal merupakan kecerdasan yang biasa (common) bagi golongan pelajar khususnya diperingkat pengajian tinggi. Ini kerana kerana mereka perlu memahami diri mereka serta membina perhubungan yang baik dengan guru atau pensyarah, rakan-rakan dan pihak pentadbir kolej bagi memudahkan mereka melalui proses pembelajaran dengan sempurna. Golongan pelajar dan mahasiswa juga adalah golongan yang bergelumbang dengan dunia pendidikan yang sering dikaitkan kemahiran berbahasa sama ada lisan dan bukan lisan sebagai asas pencapaian akademik yang cemerlang. Ini disokong oleh kajian Neto dan Furnham (2006) dalam kalangan mahasiswa universiti di Universiti Porto, Portugal yang berumur antara 18-24 tahun membuktikan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal mempunyai pertalian yang kuat dengan pencapaian akademik dan diperlukan dalam pembelajaran diperingkat pengajian tinggi.

Pada aspek yang lain, pelajar memiliki kecerdasan dalam interpersonal dan intrapersonal yang tinggi selepas kecerdasan rohani menunjukkan terdapat perkaitan yang rapat antara ketiga-tiga kecerdasan yang dibincangkan. Menurut Zakiah Osman (2012) keadaan ini tidak menghairankan kerana kombinasi kecerdasan interpersonal dan intrapersonal tidak boleh dipisahkan merujuk kepada kecerdasan emosi dan kecerdasan rohani. Kajian menunjukkan kombinasi antara kedua-duanya boleh menyumbang kepada kehidupan sosial dan perkembangan kerjaya. Menurut Toto Tasmara (2008), kecerdasan interpersonal dan intrapersonal yang membolehkan individu itu membina hubungan yang baik sesama manusia (*hablum min al-nas*) dan dengan tuhan (*hablum min Allah*) merupakan kecerdasan emosi (EQ). Kecerdasan ini amat diperlukan bagi seorang muslim bagi membina kehidupan yang sempurna dan mencapai tahap ketenangan jiwa yang paling tinggi iaitu *al-nafsul al-mutmainnah*.

Kecerdasan pelbagai yang rendah dimiliki pelajar ialah kecerdasan muzik diikuti kecerdasan kinestetik dan kecerdasan visual ruang. Kecerdasan muzik rendah pelajar kerana aspek-aspek yang berkaitan dengan muzik sangat asing dengan bidang yang dipelajari mereka. Kajian yang selari ialah seperti kajian Oraib (2011) dalam kalangan pelajar di universiti-universiti Jordan juga menunjukkan skor kecerdasan muzik paling lemah dimiliki mahasiswa yang mengambil jurusan selain jurusan Muzik berbanding mahasiswa dalam jurusan Muzik.

Dapatan ini disokong oleh kajian Stark (2004) yang mendapati kesan pengaruh luaran boleh menjamkan kecerdasan pelbagai diri. Tujuan kajian adalah untuk membuat perbandingan kecerdasan pelbagai dalam kalangan pelajar Kolej Midwest yang berstatus penyanyi dan bukan penyanyi. Dapatan kajian mendapati pelajar penyanyi memperoleh skor kecerdasan muzik yang lebih tinggi berbanding pelajar bukan penyanyi. Oleh itu dapat ditegaskan pengaruh luaran yang tidak asing dengan ciri-ciri sesuatu kecerdasan pelbagai boleh menguatkan lagi kecerdasan pelbagai berkenaan.

Berkemungkinan besar kecerdasan muzik yang merupakan kelebihan dalam menghasilkan irama dan lagu serta mahir dalam bermain alatan muzik tidak dapat ditonjolkan pelajar di peringkat universiti kerana kekangan masa graduan bagi memenuhi keperluan pengajian mereka di universiti. Hal ini tidak menghairankan kerana kecerdasan muzik bukanlah dianggap sebagai kecerdasan akademik yang menjadi kecerdasan yang amat penting dalam kebanyakan institusi pendidikan. Apatah lagi dalam kalangan pelajar dalam bidang Pengajian Islam yang sangat asing dengan bidang ini.

Dalam kajian yang dijalankan Neto dan Furnham (2006) menunjukkan selain daripada kecerdasan muzik, kinestetik, dan visual ruang juga merupakan kecerdasan yang lemah didominasi mahasiswa di Universiti Porto di Portugal. Begitu juga dengan kajian Oraib et al. (2011) yang mendapati kecerdasan visual ruang adalah kecerdasan yang paling lemah dimiliki pelajar di universiti-universiti Jordan. Ini menunjukkan pandangan Gardner (1983, 1996) iaitu kecerdasan bukan intelektual ini kurang diberi perhatian dalam pendidikan akademik adalah benar.

### **Cadangan dan Pelaksanaan**

Mahasiswa dalam bidang Pengajian Islam seharusnya mampu menjadi golongan pekerja profesional disamping menunaikan peranan sebagai pendakwah dan murabbi kepada masyarakat. Sinonimnya, siswazah Pengajian Islam sinonimnya akan dipanggil untuk mengadakan dan memberi ceramah agama di masjid-masjid, institusi-institusi dan dalam majlis-majlis tertentu. Dalam situasi masyarakat yang dilanda keterhakis nilai-nilai murni dan agama, graduan Pengajian Islam adalah golongan yang amat diharapkan untuk menyelesaikan permasalahan terhadap kepincangan yang berlaku dalam masyarakat, melakukan pembaharuan dan memberi suntikan yang baharu seiring dengan perkembangan semasa.

Tidak dinafikan di negara ini bidang Dakwah dan perguruan Islam semakin mendapat tempat dan diperlukan apabila semakin banyak institusi-institusi pendidikan Islam samaada kerajaan mahupun bukan kerajaan. Kajian mencadangkan agar lebih banyak institusi keagamaan dibangunkan bagi memenuhi keperluan agama oleh masyarakat. Keadaan ini akan meluaskan lagi peluang kerjaya pelajar Pengajian Islam untuk bekerja dalam bidang pendidikan dan perguruan Islam selepas mereka bergraduasi nanti. Oleh itu kajian ini tidak menolak kepentingan kecerdasan rohani sebagai satu kecerdasan yang disanjung tinggi dalam masyarakat.

Pelajar kurang cerdas dalam kecerdasan visual, kinestetik, muzik dan naturalis berbanding kecerdasan berbentuk afektif seperti kecerdasan rohani, interpersonal dan intrapersonal serta kecerdasan kognitif iaitu kecerdasan logik matematik dan verbal linguistik menunjukkan mereka lebih cenderung kearah pemikiran yang bersifat akademik dan emosi. Keadaan ini menunjukkan kecerdasan yang dimiliki bersifat bertumpu dan tidak bercapah. Pemikiran bercapah atau lateral bukan vertikal lebih merujuk kepada kecerdasan visual, kinestetik dan muzik dan boleh menyumbang kearah pemikiran kreatif serta inovatif. Pemikiran yang logik tanpa diiringi dengan pemikiran kreatif menyebabkan pelajar Pengajian Islam tidak boleh menjana idea dan sesuatu produk yang kreatif dan inovatif.

Keadaan ini akan menyebabkan ketidakmampuan graduan untuk mempamerkan kebolehan mencadangkan idea dan inovasi baru serta tidak mampu meredah halangan dan merebut peluang. Oleh itu perlunya pembaharuan dalam pembelajaran Pengajian Islam agar graduan yang dihasilkan lebih dinamik, berkembang dan boleh bersaing (Alias dan Rahimi 2009). Kelemahan ini boleh diatasi dengan pembabitan aktif pelajar dalam kegiatan kokurikulum, program sokongan seperti kursus Keusahawanan dan Seni Kreatif serta menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dalam bidang-bidang yang tidak berkait dengan kursus atau bidang yang sudah dipelajari di universiti. Dengan cara ini kecerdasan yang sederhana atau lemah dimiliki boleh dipertajamkan.

Selain daripada itu kajian mencadangkan kecerdasan-kecerdasan yang kurang ditonjolkan pelajar seperti kecerdasan visual ruang, kinestetik, naturalis dan muzik perlu ditekankan dalam pembelajaran dan dalam aktiviti-aktiviti pembangunan insaniah pelajar. Kecerdasan-kecerdasan ini mungkin boleh menyumbang kepada kemahiran insaniah yang lainnya yang tidak dikaji dalam kajian ini. Lebih-lebih pada kecerdasan kinestetik yang terbukti boleh mengesani kemahiran keusahawanan. Pembangunan insaniah di IPT yang dijalankan seharusnya mengambil kira dasar teori kecerdasan pelbagai kerana teori ini menjadi pemangkin kepada pembentukan bakat, potensi dan kemahiran bukan hanya kepada pelajar. Selain daripada itu teori ini juga tidak dapat dipisahkan dengan teori pembelajaran yang menjadi rangka asas kepada modul kemahiran insaniah untuk pelajar IPT.

Perkara penting yang perlu diingatkan kepada pihak yang berkewajipan di iaitu kesedaran tentang kecerdasan individu adalah pelbagai dan berpotensi tinggi untuk diketengahkan. Dengan cara ini juga pengabaian terhadap potensi dan bakat mahasiswa yang akan digunakan dalam kerjaya nanti tidak berlaku. Pengiktirafan terhadap bakat dan kemahiran individu merupakan teras kepada keyakinan diri yang tinggi dalam menghadapi alam kerjaya.

Kajian mencadangkan kecerdasan yang tidak tinggi dimiliki oleh pelajar iaitu kecerdasan kinestetik, kecerdasan visual ruang, kecerdasan muzik dan kecerdasan naturalis seharusnya ditekankan kerana kecerdasan-kecerdasan bukan IQ ini sangat berkait rapat dengan pemikiran kreatif dan inovatif serta dalam bidang pekerjaan yang memerlukan kemahiran *hard* atau *visibles* seperti bidang pembuatan, penghasilan produk, seni kreatif dan visual, pertanian, keusahawanan dan pembinaan seharusnya ditekankan. Ini kerana graduan yang memiliki kesemua kecerdasan adalah lebih berketerampilan dan mudah mendapat pekerjaan. Kecerdasan yang menjurus kepada bidang kreatif dan inovatif juga sering mendapat tempat dan diperlukan dalam dunia pekerjaan masa kini berbanding kecerdasan IQ yang dilihat memberi implikasi yang terhad kepada bidang pekerjaan.

## Kesimpulan

Kecerdasan ini juga dilihat relevan untuk diguna pakai dalam usaha untuk meningkatkan potensi dan kebolehasaran graduan khususnya dalam bidang kerjaya yang melibatkan penyebaran agama dan dakwah Islamiyah. Kecerdasan rohani merupakan satu bentuk kecerdasan emosi dan sosial kerana kecerdasan ini berkait rapat dengan unsur-unsur hubungan yang baik sesama insan, kasih sayang, tingkah laku dan adab yang mulia, kebersihan jiwa dan fizikal, tanggungjawab, amanah, ikhlas, hikmah dan bijaksana dan kepatuhan terhadap ketua. Oleh yang demikian, kecerdasan rohani sepatutnya boleh dijadikan sebagai sandaran dalam meningkatkan kemahiran *soft* khususnya dalam kalangan pelajar.

Kecerdasan rohani juga merupakan satu entiti yang boleh memacu semangat dan motivasi pelajar Pengajian Islam dalam meningkatkan kemahiran dan potensi diri. Kajian mencadangkan pelajar haruslah cerdas bukan sahaja dalam rohani dan interpersonal serta intrapersonal sahaja malah cerdas dalam logik matematik serta verbal linguistik. Kombinasi kecerdasan iaitu kecerdasan rohani, interpersonal, intrapersonal, logik matematik dan verbal linguistik sebenarnya boleh membentuk individu yang cemerlang bukan sahaja dalam aspek keagamaan bahkan cemerlang dalam aspek kehidupan meliputi aspek kerjaya seperti aspek kemahiran sosial, komunikasi dan menyelesaikan masalah. Oleh itu, memiliki lebih banyak kecerdasan pelbagai merupakan satu platform bagi pelajar universiti untuk cemerlang bukan sahaja daripada segi akademiknya bahkan dari segi kemahiran insaniah.

Selain daripada itu kajian mencadangkan kecerdasan-kecerdasan yang kurang ditonjolkan pelajar seperti kecerdasan visual ruang, kinestetik, naturalis dan muzik perlu ditekankan dalam pembelajaran dan dalam aktiviti-aktiviti pembangunan insaniah pelajar. Kecerdasan-kecerdasan ini mungkin boleh menyumbang kepada kemahiran insaniah yang lainnya yang tidak dikaji dalam kajian ini. Lebih-lebih pada kecerdasan kinestetik yang terbukti boleh mengesani kemahiran keusahawanan. Pembangunan insaniah di IPT yang dijalankan seharusnya mengambil kira dasar teori kecerdasan pelbagai kerana teori ini

menjadi pemangkin kepada pembentukan bakat, potensi dan kemahiran. Selain daripada itu teori ini juga tidak dapat dipisahkan dengan teori pembelajaran yang menjadi rangka asas kepada modul kemahiran insaniah untuk pelajar IPT.

Perkara penting yang perlu diingatkan kepada pihak yang berkewajipan umumnya serta pelajar iaitu kesedaran tentang kecerdasan pelbagai pelajar seharusnya diketengahkan. Dengan cara ini juga pengabaian terhadap potensi dan bakat mahasiswa yang akan digunakan dalam kerjaya nanti tidak berlaku. Pengiktirafan terhadap bakat dan kemahiran individu merupakan teras kepada keyakinan diri yang tinggi dalam menghadapi alam kerjaya.

Kajian mencadangkan kecerdasan yang tidak tinggi dimiliki oleh pelajar iaitu kecerdasan kinestetik, kecerdasan visual ruang, kecerdasan muzik dan kecerdasan naturalis seharusnya ditekankan kerana kecerdasan-kecerdasan bukan IQ ini sangat berkait rapat dengan pemikiran kreatif dan inovatif serta dalam bidang pekerjaan yang memerlukan kemahiran *hard* atau *visible* seperti bidang pembuatan, penghasilan produk, seni kreatif dan visual, pertanian, keusahawanan dan pembinaan seharusnya ditekankan. Ini kerana graduan yang memiliki kecerdasan berkenaan adalah lebih berketerampilan dan mudah mendapat pekerjaan. Kecerdasan yang menjurus kepada bidang kreatif dan inovatif juga sering mendapat tempat dan diperlukan dalam dunia pekerjaan masa kini berbanding kecerdasan IQ yang dilihat memberi implikasi yang terhad kepada bidang pekerjaan.

Pemberatan terhadap kedua kecerdasan berbentuk afektif dan akademik mungkin dipengaruhi oleh faktor persekitaran pelajar seperti kandungan bidang pembelajaran yang dipelajari serta corak pengajaran dan pembelajaran pensyarah. Keadaan ini boleh memberi kesan kepada pengabaian terhadap kecerdasan pelbagai yang lainnya. Keadaan ini juga menyebabkan pelajar yang memiliki kecerdasan kinestetik, visual ruang dan muzik yang tinggi tidak dapat menonjolkan kecerdasan mereka seadilnya. Kajian membuktikan graduan yang memiliki lebih banyak kecerdasan adalah lebih berketerampilan dan mudah mendapat pekerjaan. Kecerdasan visual ruang, kinestetik dan muzik yang berkait rapat berkaitan rapat dengan pemikiran kreatif dan inovatif seharusnya juga ditekankan kerana kecerdasan yang menjurus kepada bidang kreatif dan inovatif.

Aplikasi teori kecerdasan pelbagai boleh dijalankan dengan mewujudkan ruang yang kondusif. Kajian mencadangkan agar pihak fakulti Pengajian Islam mengadakan bidang pengkhususan Pengajian Islam dengan program minor. Program-program minor seperti bidang biologi, kaligrafi Islam, kesenian Islam, seni bina Islam, animasi dan sebagainya merupakan salah satu ruang yang boleh menggalakkan kecerdasan pelbagai yang asing bagi pelajar. Sikap memandang enteng oleh pelajar terhadap subjek-subjek pendidikan umum juga harus diketepikan kerana ianya merupakan satu ruang yang kondusif bagi pelajar menajamkan kecerdasan pelbagai yang ada ada diri. Begitu juga dengan aktiviti kokurikulum dan aktiviti sokongan yang dibangunkan oleh pihak universiti. Malahan bagi pelajar yang memiliki kecerdasan pelbagai yang tidak relatif seperti kecerdasan muzik, kinestetik, visual ruang dan naturalis, peluang seperti inilah yang dapat membantu mereka menonjolkan kecerdasan dalaman mereka. Pengabaian terhadap kecerdasan dalaman diri merupakan satu kerugian yang besar kepada masyarakat Islam sendiri.

Kajian ini terbatas pada aspek kecerdasan pelbagai dalam kalangan pelajar di sebuah universiti tempatan. Oleh itu dicadangkan kajian seterusnya melihat aspek berkenaan dalam kalangan pelajar di IPTA dan IPTS lainnya. Kajian juga mencadangkan agar perkaitan antara kecerdasan pelbagai dengan kemahiran kerjaya dijalankan secara empirikal. Jesteru, maklumat yang menyeluruh berkaitan perkaitan atau sumbangan antara kecerdasan pelbagai terhadap kemahiran insaniah dapat digambarkan secara menyeluruh dan komprehensif.

## Rujukan

- Alumni UKM. 2012. *Laporan Kajian Pengesanan Graduan*. Pejabat Perhubungan Alumni, UKM Bangi: Selangor.
- Ahmad Munawwar Ismail & Zakaria Stapa. 2011. Strategi Pembelajaran Penuntut Aliran Pengajian Islam dan Hubungannya dalam Memenuhi Tuntutan Semasa. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3 (2), 21-30.
- Amla Salleh, Zuria Mahmud & Ramlee Mustapha. 2008. *Mengenal potensi kerjaya*. Oxford Fajar Sdn Bhd: Selangor
- Council for Responsible Genetics. 2014. Brief on Intelligences and Genetic Determinism. <http://www.councilforresponsiblegenetics.org/ViewPage.aspx?pageId=73> [16 April 2014].
- Chua, Y.P., Aribah Ishak, Nor Asmadi Yaacob, Haslina Said, Eng Pee, L., & Zulkifli Abdul Kadir. 2014. Can Multiple Intelligence Abilities Predict Work Motivation, Communication, Creativity, and Management Skills of School Leaders?, *Procedia-Social Behavioral Sciences-WCES* 2013, 116(2014), 4870-4974.
- Camorro-Premuzic, T., Arceche, A., J, Brenner, A., Green, C., & Furnham, A. 2010. *Soft skills in higher education: importance and improvement rating as a function of individual differences and academic performance*. *Journal of Educational Psychology* 30 (2), 221-241.
- Education Portal. 2014. David Welscher on Intelligence, Lesson and Quizzes. [education-portal.com/academy/lesson/david-wechsler-on-intelligence-lesson-quiz.html#lesson](http://education-portal.com/academy/lesson/david-wechsler-on-intelligence-lesson-quiz.html#lesson) [21 April 2014]
- Eisa M. El-Bahan. 2006. *Multiple intelligence style in relation to improved academic performance in Kuwaiti Middle School Reading*. *Journal of Digest of Middle East Studies*. Spring 2006.
- Ellen N. Oteng. 2012. A Comparative analysis of multiple intelligence theory with relationship to gender and level in selected schools in Ghana. Tesis Doktor Falsafah terbit, Jabatan Pendidikan: Universiti Cape Coast. Proquest: US, UMI no: 3536021.
- Gardner, H. 1983. *Frames of mind: the theory of multiple intelligences*. New York: Basic Books. Ed. ke 3
- Gholam-Reza Rahimi. 2011. Sureying of relationship between multiple intelligences and Critical thinking of Islamic Azad University managers in 13<sup>th</sup> region. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business* (3) 2, 1093-1110.

- Green, A.L. & Hill, A.Y. 2005. *The use of multiple intelligence to enhance team productivity*. Jurnal Management Decision (43) 2, 349-359.
- Ibrahim Mohamed Zin. 2007. Membina dan mengesahkan instrument penaksiran kecerdasan pelbagai. Tesis Ph.D tidak terbit. UKM: Bangi.
- Ibrahim Mohamed Zin & Farah Mukhtar. 2010. Hubungan Kecerdasan pelbagai, Gaya Pembelajaran Dan pencapaian Akademik Guru Pelatih. <http://www.ipislam.edu.mmy/index.php> (30 Mac 2012)
- Jamil Ahmad. 2002. Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: Satu Penilaian. Tesis Sarjana ,Jabatan Asas Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan. 2000. 3<sup>rd</sup>. ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- La Sarah.2006. The Intelligence Theories of Charles Spearman and Howard Gardner, <http://voices.yahoo.com/the-intelligence-theories-charles-spearman-and-27414.html> [16 April 2014.
- Neto, F & Furnham, A. 2006. Gender differences in self-rated and partner-rated multiple intelligences: A Portuguese replication. *The Journal of Psychology*, No 2006, 140 (6), 59, Proquest Research Library.
- Mohamed Zin & Farah Mukhtar. 2011. Hubungan Kecerdasan Pelbagai, Gaya Pembelajaran dan Pencapaian Akademik Guru Pelatih.<http://www.ipislam.edu.my/uploadedHubungan%20kecerdasan%20pelbagai%20Gaya%20pembelajaran%20Dan%20pencapaian.pdf>. [24 Mac 2011].
- Mohd Fauzi Hamat dalam Mohd Fauzi Hamat, Joni Tamkin Borhan & Ab. Aziz Mohd Zin (Ed.). 2007. Pengajian Akidah di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Satu Tinjauan Awal. Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Fauzi Hamat, Joni Tamkin Borhan, & Ab. Aziz Mohd Zin (Ed.). 2007. Pengajian Falsafah Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Sukatan, Masalah dan Cabaran Pengajian. Pengajian Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. 35-56.
- Mohd Kasyfi b. Mohd Jailani, Rossemi Din, Siti Rahayah, Muhammad, Norliza, Ida Kamalawati & Shah Nizam. 2013. Kecerdasan Pelbagai (MI) dan Gaya Pembelajaran (LeS) dalam kalangan Pelajar Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam. RECSTec 2013.
- Mohd Kashfi b. Mohd Jailani, Siti Rahayah Ariffin, Rossemi Din, Bishanani Omar & Sarimah Mokhtar. 2010. Kecerdasan Pelbagai dalam kalangan pelajar universiti awam Malaysia *Prosiding Seminar Serantau V Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas Riau Indonesia dan Fak Pendidikan UKM. Pekan Baru, Riau.*
- Rizal Arifin & Hairul Nizam Arifin. 2007. Konsep keadilan dalam teori kecerdasan pelbagai menurut perspektif Islam. *Diges Pendidikan*. 7: 2.
- Stark, Deboral L. 2004. A comparison of multiple intelligence profiles in college singers and non-singers with implications for teachers of singing. Proquest, UMI Dissertation Publishing 3127103: Ball State University.
- Siti Rahayah Ariffin, Mohd Kashfi bin Mohd Jailani. 2009. Tinjauan kecerdasan pelbagai dalam kalangan guru pelatih Institut Perguruan di Malaysia Seminar Pendidikan Serantau ke-4.
- Siti Rahayah Ariffin, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Rossemi Din, Roseni, Ariffin, Abdul Ghafur Ahmad. 2010. Performance Based Multiple Intelligence Test Analysis, 9th WSEAS International Conference on Education and Educational Technology (EDU '10).
- Suad Ahmad, Saleh Muhammad, Sa'ad Majed. 2014. Types of Multiple Intelligences among Undergraduates Students at Yarmouk University in Light of Gardner's Theory. *International Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(6).
- Toto Tasmara, K.H. 2002. *Kecerdasan ruhaniah (Transcendental Intelligence)*. Jakarta:Penerbit Gema Insan.
- Zawawi Ahmad. 1998. *Strategi pengajaran pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.